

GARIS PANDUAN



JABATAN BENDAHARI

GARIS PANDUAN PEROLEHAN KERJA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) SEHINGGA RM20,000.00

UPSI (ISO)/BEN/P02/GP07

DISEDIAKAN :
OLEH

NAMA : SITI SHAFINAZ BINTI MOHD SHAHID

JAWATAN : PENOLONG BENDAHARI KANAN

TARIKH : 1 JANUARI 2022

DILULUSKAN :
OLEH

NAMA : HJ. MOHAMAD NAJIB BIN HJ. MOHAMED


JAWATAN : BENDAHARI

TARIKH : 1 JANUARI 2022

KELUARAN : A

PINDAAN : 00

TARIKH : 1 JANUARI 2022


 <p>UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS ارزنيوي سي كنديديقن سلطان ادريس SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY</p>	<p>GARIS PANDUAN PEROLEHAN KERJA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) SEHINGGA RM20,000.00</p>	<p>Muka surat : 1/3</p>
		<p>Tarikh : 1 JANUARI 2022</p>
	<p>UPSI(ISO)/BEN/P02/GP07</p>	<p>Pindaan : 00</p>
		<p>Keluaran : A</p>

1.0 TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini disediakan untuk memberi panduan mengenai skop perolehan kerja sehingga RM20,000.00 yang diuruskan oleh Pusat Tanggungjawab (PTj).

2.0 LATAR BELAKANG


- 2.1 WP 7.5 Pekeliling Perbendaharaan menyatakan semua perolehan Kerajaan adalah mengikut kaedah berikut:-
- i) Panjar Wang Runcit – sehingga RM150.00;
 - ii) Perolehan terus – sehingga RM20,000.00;
 - iii) Sebutharga Rasmi – melebihi RM20,000.00 sehingga RM500,000.00;
 - iv) Tender – melebihi RM 500,000.00
- 2.2 Pada masa kini, Jabatan Bendahari (JB) melihat terdapat keperluan penambahbaikan mengenai perolehan terus kerja bernilai sehingga RM20,000.00 yang diuruskan sendiri oleh PTj.
- 2.3 Oleh yang demikian, Mesyuarat Pelarasan Perolehan Bersama JPPHB Bil.1/2021 pada 22 Mac 2021 dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Universiti Kali ke-22, Bil.1/2021 pada 26 Mac 2021 bersetuju agar satu garis panduan disediakan berkenaan perolehan terus kerja bernilai sehingga RM20,000.00 yang diuruskan sendiri oleh PTj. Ianya bertujuan untuk memberi panduan jelas kepada PTj mengenai perolehan kerja dan penglibatan dari Jabatan Pengurusan dan Pembangunan Harta Benda (JPPHB). Sehubungan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil.16/2021 bertarikh 15 Oktober 2021 telah meluluskan Garis Panduan Perolehan Kerja Pusat Tanggungjawab (PTj) di Universiti Pendidikan Sultan Idris sehingga RM20,000.00.

 <p>UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS اوپنوريسيتي أنديدبان سلطان ادريس SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY</p>	GARIS PANDUAN PEROLEHAN KERJA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) SEHINGGA RM20,000.00	Muka surat : 2/3
		Tarikh : 1 JANUARI 2022
	UPSI(ISO)/BEN/P02/GP07	Pindaan : 00
		Keluaran : A

3.0 SKOP PEROLEHAN KERJA YANG BOLEH DILAKSANAKAN OLEH PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)

3.1 Skop perolehan kerja yang boleh dilaksanakan oleh PTj :-

- a) Membekal dan Pemasangan *karpet/ vinyl flooring/ timber flooring/rumput tiruan*.
- b) Kerja-kerja mengecat ruang dalaman bangunan
- c) Kerja-kerja hiasan dalaman membekal dan memasang (*wall paper, blind, tinted, pokok artificial/pasuan* dan sebagainya)
- d) Penukaran daun pintu sediaada kepada jenis yang sama– dengan syarat sisa-sisa kerja-kerja diuruskan dengan baik dan dibawa keluar dari kampus universiti
- e) Pemasangan *grill* – perlu mendapatkan pandangan dan kelulusan dari ROSH
- f) Pemasangan *billboard* – perlu mendapatkan kelulusan JKPU, jika melibatkan penggunaan jentera seperti *skylift/ kren/ besi perancah* di tempat kerja yang tinggi perlu merujuk pihak ROSH
- g) Pemasangan *built in furniture* (kabinet dan kaunter) – pihak PTj perlu merujuk JPPHB mendapatkan penasihat awal
- h) Pemasangan *workstation*.
- i) Penggantian tombol kunci pintu di PTj – hendaklah mengikuti tatacara pengurusan kunci di Bahagian Keselamatan
- j) Pemasangan Mesin penapis air, PTj perlu mendapatkan penasihat daripada JPPHB dari segi punca air dan punca elektrik.
- k) Pemasangan kemudahan OKU yang minor (*Railing, Pictogram* dan lain-lain asesori OKU)

 <p>UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS الجامعة الإسلامية سليمان ادریس SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY</p>	GARIS PANDUAN PEROLEHAN KERJA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) SEHINGGA RM20,000.00	Muka surat : 3/3
		Tarikh : 1 JANUARI 2022
	UPSI(ISO)/BEN/P02/GP07	Pindaan : 00
		Keluaran : A

- l) Lain-lain kerja yang tidak mengganggu struktur asal dan mengubah fungsi ruang sediaada.

Nota:-

- i. PTj tidak boleh memecah kecilkan projek yang melibatkan ruang yang sama.*
- ii. Semua sisa kerja perlu di lupuskan ke tapak pelupusan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).*
- iii. Semua kerja-kerja yang melibatkan imej luaran PTj perlu merujuk BKK dan mendapatkan kelulusan JKPU.*
- iv. Sekiranya terdapat pemasangan soket baharu dan penambahan pemasangan peralatan@perkakasan elektrik perlu mendapat pandangan daripada pihak JPPHB.*
- v. Segala Kerja yang dibuat oleh PTj adalah menjadi tanggungjawab PTj sepenuhnya.*

3.2 Selain dari kerja-kerja seperti di atas, pihak PTj hendaklah melalui JPPHB, tetapi perlulah mendapat kelulusan punca kuasa bagi melaksanakan kerja-kerja tersebut.

4.0 TARIKH BERKUATKUASA

4.1 Garis panduan ini berkuatkuasa mulai **01 Januari 2022**. Adalah diharap, semua Ketua PTj memberi kerjasama untuk memaklumkan penguatkuasaan pekeliling ini kepada semua pegawai di bawah tanggungjawab masing-masing.